

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM - Jabatan Strategik dan Pembangunan Perniagaan
Sent: Thursday, February 13, 2020 9:13 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Prof. Madya Dr. Hijattulah B Abdul Jabbar; Salehuddin Bin Salim
Subject: KEMPEN DANA WAKAF UUM SEMPENA PROGRAM MINGGU SUAI KENAL PELAJAR BAHARU



**Jabatan Strategik
dan Pembangunan Perniagaan**
BUSINESS STRATEGY AND DEVELOPMENT
Universiti Utara Malaysia

13 FEBRUARI 2020 / 19 JAMADILAKHIR 1441H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Cik Siti Aishah binti Rodzi
Gambar oleh: En. Ali Badron bin Mokhtar

KEMPEN DANA WAKAF UUM SEMPENA PROGRAM MINGGU SUAI KENAL PELAJAR BAHARU



BSD ONLINE: Dalam usaha memperkenalkan Skim Dana Wakaf UUM kepada warga universiti, Bahagian Zakat, Wakaf & Endowmen (BZWE), Jabatan Strategik dan Pembangunan Perniagaan (BSD) telah memberikan taklimat kepada pelajar baharu pada Minggu Suai Kenal Pelajar Semester Kedua Sesi 2019/2020 di INASIS TM, baru-baru ini.

UUM telah diberikan kepercayaan oleh Majlis Agama Islam Kedah (MAIK) untuk melaksanakan kutipan dana wakaf dengan mewujudkan Skim Dana Wakaf UUM bagi membolehkan sumbangan diterima dan diuruskan secara berperingkat.

Setiap sumbangan yang diterima akan disalurkan kepada MAIK dan wang tersebut akan dijadikan sebagai simpanan tetap atau pembelian aset dengan dipantau oleh jawatankuasa bersama yang dianggotai oleh UUM dan MAIK, seterusnya, hasil daripada wakaf akan disalurkan semula kepada UUM untuk manfaat pendidikan dan pembangunan modal insan.

BZWE dengan segala sukacitanya mempelawa staf UUM yang ingin membuat sumbangan wakaf boleh muat turun borang di capaian <http://www.bendahari.uum.edu.my/index.php/muat-turun/borang-borang.html> dan <http://forms.gle/28P52mEyB9go1zMu5>.

Orang awam dan badan korporat juga boleh membuat sumbangan dengan melayari <http://e-com.uum.edu.my>.

Sebarang pertanyaan lanjut, boleh hubungi Pengurus Bahagian Zakat, Wakaf & Endowmen (BZWE), BSD, Ali Badron Mokhtar di talian 04-928 3920 atau e-mel peng.bzwe@uum.edu.my

**“KEDAH AMAN MAKMUR – HARAPAN BERSAMA MAKMURKAN KEDAH”
“ILMU BUDI BAKTI”**

=====

JABATAN STRATEGIK DAN PEMBANGUNAN PERNIAGAAN
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
06010 SINTOK
KEDAH DARUL AMAN
Tel: 604-928 3901 / 3902 / 3904
E-mel: BSD@uum.edu.my

Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.